

EKSTREMISME RENTAS AGAMA DAN TAMADUN

Oleh:

*Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor**

Pengenalan

Sejak berlakunya peristiwa 11 September, perbincangan mengenai ekstremisme sering diwacanakan dengan tanggapan bahawa ia adalah contoh terbesar abad ini yang dikaitkan dengan ekstremisme dan terrorisme. Dunia mula melihat mengenai punca dan sebab berlakunya ekstremisme, bagaimana menangani isu tersebut, kaedah-kaedah pencegahan dan sebagainya. Tidak kurang juga yang melihat isu tersebut dari aspek perkauman dan agama. Walaupun ada sebahagian yang cuba menunjukkan keraguan terhadap peristiwa 11 September tersebut, namun disebabkan oleh paparan media yang dibuat secara menyeluruh, ia telah memberikan impak secara langsung kepada golongan Muslim. Bagi membenarkan teori yang dibuat oleh sarjana Barat, Samuel Huntington, pertembungan peradaban menjadi nyata dengan terbahaginya blok-blok pemikiran berasaskan ideologi

* Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau juga adalah pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: m_roslan@um.edu.my

agama, menyudutkan Islam dan Muslim secara khusus sebagai mangsa kepada pertembungan tersebut. Pandangan-pandangan yang kebanyakannya negatif telah meresapi ke dalam masyarakat dunia dengan bantuan media-media gergasi serta paparan-paparan keganasan yang dilakukan oleh umat Islam. Tidak kira apa sahaja perkara yang berlaku, tentu sahaja akan dikaji agamanya serta bangsanya. Seperti juga kejadian sebuah kapal terbang terhempas di Perancis yang dibawa oleh pilot German dalam perjalanan dari Sepanyol, juga turut melihat kepada perkara ini. Perkara utama dilihat adalah untuk 'rule out' aspek agama dahulu. Jika ianya bukan Muslim, maka ia tidak dikatakan sebagai ekstremis atau terroris. Sejak sekian lama kita telah dimomokkan dengan hal sebegini, pastinya kita perlu bangkit mempersoalkan kembali ekstremisme ini adakah ianya khusus kepada sesuatu bangsa dan agama. Oleh yang demikian, adalah suatu yang penting untuk melihat kepada ekstremisme ini dengan pandangan yang adil dan bebas tanpa sikap prejudis mahupun pandangan yang telah ada di dalam diri seseorang.

JEJAK-JEJAK EKSTREMISME RENTAS AGAMA DAN TAMADUN

Perbincangan lanjut perlu diteruskan dengan menelusuri jejak-jejak ekstremisme. Dalam hal ini, Dr. Yusuf al-Qaradawi ada menggariskan mengenai ekstremisme dalam agama iaitu:¹

- i. Menilai tahap ketakwaan seseorang individu dalam sesebuah komuniti yakni komuniti dia menjalani kehidupan berdasarkan penilaian luaran dengan menentukan sama ada individu itu ekstremis, sederhana

¹ Yusuf al-Qaradawi, *Islamic Awakening Between Rejection & Extremism*, ed. A.S al-Shaikh Ali & Mohamed B. E. Wasty (Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought, 1990), h. 28-31.

atau berjaga-jaga. Kita tidak boleh menilai kriteria individu berdasarkan latar belakang dan sejarah hidup seseorang itu kerana ada dalam kalangan muslim sendiri tidak melaksanakan ibadah yang ditetapkan dalam penetapan hukum dengan meninggalkan rukun Islam seperti tidak menunaikan solat dan meninggalkan puasa.

- ii. Tidak adil untuk menuduh seseorang dengan mengatakan ekstremis dalam agama kerana itu adalah pernyataan berat terhadap pandangan perundangan yang ditentukan fuqaha, walaupun idea dan pandangan yang dilontarkan itu adalah benar di sisi si penuduh tersebut.

Manifestasi ekstremis yang menggambarkan ekstremis sebagai kekerasan dan bertindak kasar dalam sesuatu perkara, apatah lagi jika dipertontonkan kepada mata masyarakat akan kerosakan yang mereka lakukan dan memberi kemudaratan ke atas orang awam yang menjadi mangsa akibat serangan-serangan pertentangan yang direncanakan maka berlaku salah faham terhadap manifestasi ini. Malah dalam konteks semasa boleh menyebabkan para pejuang mujahidin yang benar dalam perjuangannya turut terpalit fitnah sebagai subversif dan ekstremis. Manifestasi ekstremis yang sering berlaku dalam kancah masyarakat tersebut ialah:

- i. Tidak boleh bertolak-ansur dalam menerima pendapat orang lain dan sering bersikap prejudis terhadap orang lain.
- ii. Memaksa orang lain untuk menerima dan mengikut pendapat mereka.
- iii. Berlebih-lebih dalam beragama yang tidak kena pada suasana dan tempatnya terutamanya terhadap golongan yang bukan Islam sehingga menyusahkan dan membebankan orang lain.

- iv. Menonjolkan karakteristik yang keras dan mempunyai sikap yang kasar terhadap orang lain.

Dalam masa yang sama, perkataan ekstremisme, fundamentalisme, revivalisme, islamisme, radikalisme, ekstremis dan militan atau seumpama dengannya sentiasa digunakan secara bergantian bagi sesetengah pihak. Ianya bagi tujuan penyederhanaan yakni simplikasi dalam mengenalpasti dan menganalisis perwatakan setiap ideologi dan gerakan jemaah yang dibawa supaya dapat memahami dan mengolah pemikiran yang cuba dibawa dan disebarkan kepada umum. Kebiasaannya ia membawa konotasi yang negatif berbanding dengan perkara-perkara positif yang cuba diketengahkan. Barangkali kerana sifatnya yang tersendiri, perbuatan-perbuatan yang berbentuk ekstrem dan melampaui norma kehidupan dalam dunia semasa, ia tidak boleh dipandang ringan bahkan perlu ditangani agar tidak membawa kepada situasi yang lebih buruk.

Terdapat juga beberapa perbezaan pandangan dalam perbincangan mengenai ekstremisme. Ada yang melihatnya dari sudut agama, ada yang melihat dari sudut politik, ada yang menggabungkan keduanya dan bermacam-macam lagi. Sesetengah golongan pula melihat ianya dominan berlaku dalam bentuk politik dan agama. Scruton umpamanya menyatakan bahawa ekstremisme sebagaimana berikut:

- i. Mengambil idea politik yang melampaui batas, tanpa menghiraukan kesan buruk, tidak praktikal, bukan hanya untuk bersemuka dengan lawan tetapi menjatuhkannya sekali;
- ii. Tidak bertoleransi terhadap semua pandangan melainkan pandangannya;

- iii. Mengambil cara untuk mencapai tujuan politik dengan memperlihatkan ketidakpedulian untuk hidup, kebebasan dan hak asasi orang lain.²

Manakala terdapat mereka yang melihat bahawa ekstremisme berkait rapat dengan agama dan politik sebagaimana pandangan Nazrul Islam yang mengatakan:

*“An extremist, especially someone with strong, irrational religious or political feelings.”*³

Ekstremisme juga boleh muncul dengan ideologi yang tidak berasaskan agama dan politik. Ia boleh disebabkan oleh persekitaran, ideologi-ideologi sosial yang melibatkan persoalan perkauman dan sebagainya. Umpamanya di Amerika, terdapat pertubuhan-pertubuhan yang berpaksikan kepada anti perkauman seperti neo-Nazi dan Aryan Nation. Gerakan-gerakan ini dikatakan akan merendah-rendahkan martabat bangsa yang selain daripada mereka.⁴

Manakala di Malaysia, walaupun tiada gerakan-gerakan anti perkauman ditubuhkan, namun melalui beberapa peristiwa buruk yang berlaku di Malaysia seperti peristiwa 13 Mei, Hartal di Pulau Pinang pada tahun 1967, peristiwa Kampung Medan pada tahun 2001, sedikit sebanyak telah menunjukkan terdapatnya unsur-unsur ekstremisme perkauman yang wujud dalam masyarakat negara ini.

Ekstremisme yang berbentuk keganasan dan yang tidak berbentuk keganasan juga seharusnya dilihat dengan teliti. Tidak semua ekstremisme itu berbentuk keganasan dan tidak semua

² Roger Scruton, *A Dictionary of Political Thought*, (London: Macmillan Press, 1982).

³ Nazrul Islam, *Islam 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions* (New Delhi: Viva Books Private Limited, 2005), h. 18.

⁴ Laurie Willis (ed.), *Extremism*, (New York: Greenhaven Press, 2011), h. 15.

keganasan (*terrorism*) itu berpunca dari ekstremisme. Ringkasnya ekstremisme itu boleh berlaku dalam dua bentuk:

- i. Berbentuk keganasan;
- ii. Tidak berbentuk keganasan.

Contoh ekstremisme yang tidak berbentuk keganasan adalah seperti gerakan pro-LGBT yang terdapat di negara ini.⁵

Untuk memahami lebih lanjut, tinjauan boleh dibuat umpamanya ke atas kumpulan hak asasi haiwan seperti People for the Ethical Treatment of Animal, kumpulan yang dikategorikan sebagai ekstremis. Ianya kerana ketaksuban mereka terhadap hak-hak haiwan melebihi fitrah manusia untuk memakan daging dan sebagainya. Inilah antaranya kenapa ia dikatakan sebagai kelompok ekstrem.⁶

Ada yang mengatakan bahawa tindakan ekstremisme boleh berlaku disebabkan oleh rasa terancam atau ancaman yang diterima. Levesque menjelaskan bahawa:

“These studies have scientists to understand extremism as a generalized reaction to self-threat. These studies have shown that extremism helps alleviate worry and uncertainty, expressing strong worldviews, value ideals, group identifications, opinions, or personel worth causes people to minimize previous concerns.”⁷

⁵ Mohd Irman Mohd Abd Nasir, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka Terhadap Isu-isu Ekstremisme,” (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), h. 110.

⁶ P M Conn & J V Parker, *Extremist Animal Rights Activists are Terrorists*. Dalam Laurea Willis (ed.), *Extremism*, (New York: Greenhaven Press, 2011), h. 132-143.

⁷ Roger J R Levesque, *Encyclopedia of Adolescence*, (New York: Springer, 2011), h. 918.

Begitu juga pandangan Ramanathan yang kelihatan selari dengan pandangan Levesque apabila beliau mengatakan bahawa fahaman ekstremisme ini:

“Wujud akibat daripada rasa kecewa dan juga kecil hati dan bergerak ke arah mencari penyelesaian secara sendirian.”⁸

Antara kumpulan yang ekstrem di luar dari konteks negara Islam ialah kewujudan kumpulan the Klu Klux Klan di Amerika Syarikat. Ia ditubuhkan selepas perang saudara bertujuan untuk mengugat kaum kulit hitam juga untuk menghalang kerajaan persekutuan Amerika daripada memberi taraf kewarganegaraan kepada mereka. Ia juga untuk menghalang rakyat kulit hitam daripada menyertai kegiatan politik, ekonomi dan menjadikan golongan kulit hitam sebagai buruh sahaja. Mereka melakukan pembunuhan ke atas golongan kulit hitam.

Dalam konteks Malaysia, terdapat juga beberapa kumpulan yang bergerak kerana terasa ancaman, seperti gerakan Selendang Merah yang ditubuhkan pada tahun 1945 yang dipimpin oleh Hj Saleh Abdul Karim atau lebih dikenali sebagai Kiyai Saleh. Ia melibatkan seluruh negeri Johor terutama di Batu Pahat, di mana kewujudannya sebagai reaksi terhadap keganasan etnik Cina yang didalangi oleh Bintang Tiga. Konflik ini menjadi lebih buruk apabila ia dikaitkan dengan agama. Sentimen memuncak apabila terdapat masjid yang digunakan untuk menyembelih babi yang dilihat sebagai satu penghinaan terhadap umat Islam. Maka berlakulah beberapa pertempuran yang melibatkan kaum di Malaysia, sehingga beberapa perancangan Selendang Merah terhalang oleh nasihat daripada Dato' Onn Jaafar, tokoh pejuang Melayu dari Johor.⁹

⁸ K Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, (Kuala Lumpur: DBP, 1988), h. 35

⁹ Mohd Irman Mohd Abd Nasir, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka Terhadap Isu-isu Ekstremisme,” (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), h. 116.

IS: EKSTREMISME MUSLIM DALAM KONTEKS SEMASA

Mahu tidak mahu, kita perlu juga membincangkan mengenai kewujudan kelompok IS (Islamic State) yang berjuang untuk menegakkan negara Islam di Iraq dan Syria. Ia telah menjadi topik hangat dunia apabila membincangkan mengenai ekstremisme, fundamentalisme dan juga terrorisme. Seringkali ada yang menganggap IS ini adalah kumpulan yang benar tanpa melihat kepada pandangan para leluhur Islam yang memberikan pandangan mereka mengenai IS. Fatwa-fatwa ulama' terkemuka dunia seperti Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi nyata tidak menyebelahi IS, malah melarang umat Islam sama sekali terlibat dengan kegiatan tersebut.

Kemunculan IS sedikit sebanyak memberi kebimbangan terhadap semua pihak. Ia turut menimbulkan isu keselamatan yang tidak boleh dipandang ringan. Penangkapan beberapa orang remaja yang dikatakan terlibat dengan gerakan ini telah membuka mata banyak pihak terhadap penglibatan anak-anak muda dan belia terhadap gerakan songsang ini.

Kerajaan Malaysia juga akan mengeluarkan Kertas Putih mengenai ancaman gerakan ini. Banyak pihak khususnya PDRM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mula menunjukkan sikap berhati-hati dan memberi amaran terhadap kemungkinan berlakunya ancaman serius terhadap keselamatan negara sekiranya tidak dibendung secara berkesan. Sehingga kini, pelbagai pihak melihat dan menyasarkan pusat-pusat pengajian Islam dan institusi tahfiz kerana dikatakan menjadi pusat kelahiran penganas seperti itu. Telahan tersebut berasaskan kepada istilah jihad yang diajar dalam modul pengajian dan pendidikan sekolah dan institut tersebut yang dikatakan menyelewengkan kefahaman pelajar terhadap konsep dan aplikasi jihad yang perlu diamalkan.

Dalam hal ini, sikap yang ditunjukkan oleh Malaysia amat jelas, di tambah dengan pendirian yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014 telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa:

- i. Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai 'Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq, dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghan selepas peristiwa 11 September.*
- ii. Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat*

tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh keadilan. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.¹⁰

Sungguhpun fatwa ini jelas berkaitan dengan Gerakan ISIS di Malaysia, masih terdapat segelintir yang masih terpengaruh

¹⁰ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106, (2014).

dengan ideologi tersebut. Ini berpunca daripada tahap kefahaman dan pengetahuan berkaitan istilah jihad adalah berbeza. Apa yang dikhuatiri adalah kefahaman songsang berkaitan istilah ini menyebabkan ancaman kepada keselamatan masyarakat awam di negara ini.

BAGAIMANA MUSLIM TERLIBAT DENGAN EKSTREMISME TERUTAMA IS?

Ada dalam kalangan pengkaji terutama yang berlatar belakang Muslim melihat kemunculan fundamentalisme Islam sebagai hasil tindak balas rentetan daripada pengeksploitasian Barat sewenang-wenangnya ke atas dunia Islam dari pelbagai sudut. Ia termasuk eksploitasi ekonomi, pentadbiran dan sosial khususnya di Timur Tengah yang melahirkan sikap prejudis dan benci dalam kalangan diri Muslim kepada Barat, di samping rakyat hidup di bawah bayangan pemerintah diktator sekular yang suka menafikan hak-hak rakyat. Ia ditambah dengan kesan dan akibat serangan racun pemikiran moden dan sekular yang menjalar dan menyerap masuk ke dalam nadi pemikiran masyarakat secara perlahan-lahan yang mana akan menghasilkan masyarakat yang lebih mencintai urusan dunia berbanding agama mereka.

Justeru bermulalah terbitnya bibit-bibit gerakan militan dan kumpulan ekstrem yang bergerak atas nama agama dan berakar-tunjangkan kepada pegangan fahaman yang komprehensif tentang Islam, yakni penekanan yang kuat terhadap berpegang teguh kepada sumber asli Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah untuk mengembalikan masyarakat kepada asal iaitu kembali kepada Islam dengan melaungkan seruan jihad. Natijahnya, berlaku sama ada dalam keadaan sedar atau tidak, mereka

terjebak menggunakan kekerasan dengan menjulang senjata demi mencapai matlamat dan cara fikir mereka.¹¹

Artikel bertajuk '*Fundamentalisme Agama*' hasil nukilan Nur Rosidah¹² yang mana dalam penulisannya, beliau cuba menerangkan bahawasanya golongan-golongan fundamental ini sering mengambil tindakan yang keras dan ekstrem dengan memegang beberapa potongan ayat al-Quran secara literal tanpa memahami secara keseluruhan latar belakang *asbab* ayat-ayat itu diturunkan. Akibatnya mereka tegar melakukan aksi *terror* atau menggunakan keganasan dan kekerasan demi mengangkat Islam dan mengembalikan semula ajaran Islam pada tempatnya yang mana ia melibatkan pengorbanan nyawa orang awam yang menjadi mangsa disebabkan ketidakfahaman dan kecelaruan. Mereka terus mengimani ayat-ayat al-Quran yang bernada keras dan kaku serta permasalahan teologi yang berkembang seiring dengan perkembangan politik yang berlaku. Di samping itu, beliau juga menerangkan definisi fundamental serta latar belakang kewujudan gerakan fundamentalisme agama itu berlaku dan mengepilkkan konsep-konsep fundamentalisme yang berlaku dalam agama.¹³

Dr Muhammad Na'eem Yasin dalam bukunya bertajuk "*Jihad*" diterjemahkan oleh Ismail bin Mohd Hassan membahaskan jenis-jenis jihad dan bagaimana untuk melaksanakannya berdasarkan hujah dan dalil yang diberi. Dr Muhammad Na'eem Yasin membahagikan jihad itu kepada 5

¹¹ Syahidah Akmal Abd Rahman, "Fundamentalisme Agama di Timur Tengah: Kajian Terhadap Kumpulan ISIS" (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015 – tidak diterbitkan).

¹² Nur Rosidah, "Fundamentalisme Agama," *Wali Songo* Volume 20, no.1 (Mei 2012), h. 1-3.

¹³ Lihat juga Syahidah Akmal Abd Rahman, "Fundamentalisme Agama di Timur Tengah: Kajian Terhadap Kumpulan ISIS" (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015 – tidak diterbitkan).

bahagian iaitu bahagian pertama menceritakan jihad menentang hawa nafsu, bahagian kedua jihad menentang syaitan, bahagian ketiga jihad menentang orang kafir, bahagian keempat jihad terhadap golongan munafik dan bahagian terakhir yakni bahagian kelima menceritakan jihad terhadap orang-orang zalim dan fasik. Pada setiap pembahagian jihad itu beliau menerangkan bagaimana untuk berjihad dan melaksanakannya serta mengemukakan hujah dan sebab kepada perlunya berjihad pada setiap tingkatan jihad dan memberi ulasan padanya¹⁴. Namun, pelaksanaan jihad bersenjata atau jihad yang melibatkan pertentangan dua pihak atau lebih, mesti berasaskan kepada analisis keadaan semasa dan dipersetujui oleh para alim ulamak. Ia tidak boleh dilakukan dengan hanya kefahaman yang singkat ataupun dengan keputusan peribadi semata-mata.

Ini selaras dengan pandangan Dr Yusuf al-Qaradawi di dalam buku bertajuk "*Islam dan Keganasan*" yang diterjemahkan oleh Rosli Mokhtar¹⁵ di mana pada umumnya membincangkan mengenai jihad dan keganasan yang sering disalahtafsirkan oleh orang awam dengan menyamatarakan keganasan dan kekerasan dengan satu sudut makna yang sama. Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dua perkataan itu membawa makna yang berbeza walaupun kedua-duanya seakan-akan serupa. Selain itu, orang ramai sering menganggap jihad adalah suatu perbuatan yang menghalalkan segala jenis perbuatan kekerasan dan keganasan sedangkan dalam ruang lingkup Islam ada menggariskan panduan yang perlu dipatuhi dan bertindak mengikut pada tempatnya dan suasana tertentu. Di samping itu, keganasan dan aksi *terror* sering dinisbatkan kepada orang Islam sehingga salah faham mengenai perjuangan jihad yang dilaungkan berterusan

¹⁴ Muhammad Na'eem Yasin, *Jihad*, terj. Ismail Mohd. Hassan (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1985), h. xvii.

¹⁵ Yusuf al-Qaradawi, *Islam dan Keganasan*, terj. Rosli Mokhtar (Malaysia: Casa Publication, 2011), h.1-2.

tenggelam dalam dilemma kekeliruan, apatah lagi yang melibatkan jemaah radikal atau kumpulan reformasi yang bergerak dan mengambil tindakan subversif khususnya, lagi dalam menentang kerajaan atau pemerintah yang tidak mengamalkan dasar syariat Islam yang sepatutnya dipatuhi dan dituduh bersengkongkol dengan musuh Allah yakni kafir *la'natullah*.

Perbahasan terus berkembang dalam hal ini. Loretta Napoleoni¹⁶ melalui tulisannya "*Modern Jihad Tracing The Dollars Behind The Terror Networks*" mengengahkan persoalan tentang dilemma *terrorist* yang mana beliau mempersoalkan adakah keganasan itu merupakan suatu peperangan atau jenayah? Percetusan keganasan itu berlaku adakah disebabkan oleh rentetan Perang Dingin yang panjang berlarutan sehingga tercetusnya peristiwa *terror* pada 11 September 2001? Peperangan-peperangan yang berlaku menjadi suatu persoalan kerana menelusuri peperangan yang berlaku itu akan tertubuhnya suatu kumpulan *terror* dan mereka juga mendapat dana untuk menjayakan dan merealisasikan setiap pertempuran yang berlaku. Kemunculan kumpulan *terrorist* serta dana yang mereka perolehi itu menjadi persoalan bagi membiayai dan menampung segala logistik peperangan dan menjadi lebih musykil siapakah gerangan dalang di sebalik penyaluran dana tersebut? Maka, berseiringan dengan itu, jaringan kumpulan pengganas semakin meluas dan berleluasa tatkala konflik politik sesebuah negara semakin bergolak akibat bangkitnya pemberontakan rakyat.

Tidak hairanlah rentetan konflik yang berpanjangan dan usaha-usaha pengembalian kepada pemurnian agama yang hakiki serta perjuangan-perjuangan kebebasan rakyat demi mencapai keamanan dan kedamaian sejagat telah mencetuskan bentuk

¹⁶ Loretta Napoleoni, *Modern Jihad Tracing The Dollars Behind The Terror Networks* (London: Pluto Press, 2003), h. 11 & 139.

perjuangan mereka yang bosan melihat penindasan dunia moden. Bahkan muncul lagi gerakan yang mendapat perhatian dunia khususnya umat Islam, hasil daripada letusan fahaman fundamentalisme Islam itu sendiri yakni dengan menyeru untuk kembali kepada ajaran Islam yang asal iaitu dengan menjulang dan mengangkat kalimah Allah serta menegakkan syariah Islam, iaitu kumpulan IS yang telah mendapat pelbagai reaksi dari seluruh dunia.

REFLEKSI EKSTREMISME DALAM SEJARAH UMAT ISLAM

Sepertimana dibincangkan di atas, ekstremisme turut berkait dengan politik berunsurkan keagamaan sehingga ia wujud dalam setiap tingkatan sama ada di peringkat negara mahupun di peringkat antarabangsa. Kemunculannya mengambil masa yang lama dan tempoh yang panjang apatah lagi mengaitkan istilah ini ke atas Islam, sedangkan ianya tidak terhad kepada Muslim tetapi turut terdapat dalam lain-lain bangsa dan tamadun.

Jika ditinjau dari sudut sejarah Islam, catatan sejarah menunjukkan bahawa kemunculan ekstremisme atau juga fundamentalisme agama berlaku semasa pemerintahan Saidina Ali r.a. diangkat menjadi khalifah dan pada masa yang sama berlaku penolakan Saidina Muawiyah r.a. yang turut dilantik sebagai khalifah. Disebabkan kewujudan kekhalifahan Saidina Ali r.a. masih dirasai, maka berlaku banyak pertentangan, konflik dan bencana fitnah yang berlaku pada zaman tersebut. Berlaku perhubungan yang tegang antara Saidina Ali r.a. dan Saidina Muawiyah r.a. sehingga membawa kepada peristiwa *tahkim* untuk meleraikan permasalahan yang berlaku. Namun, ada kelompok menyokong Saidina Muawiyah r.a. dan ada kelompok menyokong Saidina Ali r.a. tetapi ada kelompok ketiga mendeklarasikan diri mereka tidak menyokong antara dua kelompok di atas dan mereka menggelar diri mereka sebagai Khawarij. Golongan ini

tidak menyokong kedua-dua pihak tersebut dan hanya mengambil sikap menjadi sebagai kelompok ketiga.

Biasanya Khawarij digambarkan menggunakan pendekatan literal yakni memegang ayat-ayat nas al-Quran secara harfiah tanpa menjurus pertimbangan kepada kemaslahatan masyarakat secara keseluruhannya. Sedikit sebanyak ia dilihat bersifat radikal yang mana kelompok ini dikatakan sebagai gerakan fundamentalisme Islam yang terawal yang muncul pada era khalifah berdasarkan pola pemikiran dan gerakan yang dibawa sama seperti ciri-ciri fundamentalisme. Contoh ayat al-Quran yang kelompok Khawarij ini pegang secara literal iaitu seperti berikut:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

“Sesiapa yang tidak memutuskan hukum sesuai dengan ketetapan Allah, mereka dianggap kafir.”

(Surah al-Ma'idah: 44)

Dalam konteks ini, Khawarij memegang ayat-ayat al-Quran secara mendasar tanpa melihat di sebalik pentafsiran ayat tersebut yang lebih luas. Mereka seakan mengambil tindakan keras dalam merealisasikan dan melaksanakan hukum Islam tanpa menerima dan mengambil pandangan sahabat-sahabat yang lain yang arif perihal perkara ini.

Sejarah juga turut merakam peristiwa Mihnah sebagai kemunculan fenomena gerakan ekstremisme dan fundamentalisme Islam pada zaman Khalifah al-Ma'mun (813M-833M) kerana berlaku tindakan paksaan menerima pendapat. Ia berlaku dalam keadaan pemaksaan untuk menerima pendapat Muktaizilah demi perakuan dan perdebatan tentang status al-Quran sebagai makhluk. Perkara ini berlaku sehingga golongan ulama dan cendekiawan yang tidak bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan akan dijatuhkan hukuman sama ada diseksa, dipenjarakan atau dihukum mati oleh pemerintah yang berkuasa

pada waktu itu yang didominasi dan didukung oleh fahaman Muktaizilah.¹⁷

MENANGANI EKSTREMISME ATAS NAMA AGAMA

Kita boleh bersetuju bahawa ekstremisme adalah perbuatan yang perlu ditolak secara total, yang melibatkan aksi dan perlakuan yang melampau dalam masyarakat. Lebih-lebih lagi jika ekstremisme itu dilakukan di atas nama agama, sewajarnya ia tertolak dan perlu ditangani secara tuntas. Tidak ada agama dalam dunia yang boleh membenarkan penganutnya untuk melakukan tindakan-tindakan ekstrem hanya disebabkan oleh salah faham, salah tafsir atau tidak berpuas hati dengan pendekatan-pendekatan yang cuba dilaksanakan. Dalam konteks Islam, ada juga kebimbangan perbuatan ekstrem hanya disebabkan oleh salah tanggap terhadap fatwa. Begitu juga tindakan ekstrem perlu dihalang jika hanya disebabkan ketaksuban politik.

Disebabkan faham ekstremisme ini tidak mengira siapa dan ianya rentas tamadun, maka usaha-usaha mendekatkan tamadun-tamadun dunia tidak harus terhenti. Usaha-usaha dialog antara peradaban boleh diperkasa untuk mencari titik temu dalam menangani kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan nilai-nilai peradaban dan agama-agama dunia.

Pemilihan tema Sambutan Maulidurrasul peringkat Negeri Selangor 1436H mengangkat perkara ini, dengan temanya: "Kesederhanaan Dipertahan, Ekstremisme Dilawan".¹⁸ Kita boleh memuji tindakan mengangkat tema sebegini yang jelas

¹⁷ Syahidah Akmal Abd Rahman, "Fundamentalisme Agama di Timur Tengah: Kajian Terhadap Kumpulan ISIS" (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015 – tidak diterbitkan).

¹⁸ Lihat Laman web MAIS, <http://baitul-ehsan.mais.gov.my/en/mais-info/information/news/159-kesederhanaan-dipertahan-ekstremisme-dilawan-tema-maulidur-rasul-1436h>. (Diakses pada 26 Sept 2015)

menunjukkan maksudnya untuk tidak berkompromi dengan tindakan-tindakan ekstrem. Majlis ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, dengan penekanan yang jelas pastinya dalam menolak ekstremisme dan dalam masa yang sama membawa pendekatan kesederhanaan yang telah menjadi konsep kepada ajaran Islam semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi.

Bagi menangani ekstremisme yang berlaku dalam kalangan Muslim disebabkan pemahaman yang tidak tepat terhadap agama Islam, usaha memberikan penerangan dan penjelasan mengenai Islam yang murni perlu diteruskan. Ini terutama ekstremisme yang dilakukan oleh kelompok yang berjuang di dalam IS. Penulis pernah utarakan pandangan yang diterbitkan dalam *Mingguan Malaysia* pada 2 Ogos 2015, secara umumnya melihat ada beberapa agensi penting yang perlu bergerak seiring dalam menangani ancaman IS ini, antaranya:¹⁹

Institusi Agama: Jabatan-jabatan Agama di peringkat Persekutuan dan Negeri tidak boleh mengambil pendekatan tunggu dan lihat situasi yang lebih teruk. Jabatan-jabatan agama juga tidak harus berasa selesa dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan IS. Tindakan mesti dilakukan dengan melakukan segala bentuk “*engagement*” dengan golongan muda. Anjurkan acara-acara yang boleh menarik golongan muda dan selitkan dengan perkara-perkara yang boleh membangkitkan kesedaran mereka supaya tidak terlibat dengan IS. Pasti aktiviti sebegini boleh dilaksanakan dengan memohon sokongan majlis-majlis belia di negara ini.

¹⁹ Lihat Mohd Roslan Mohd Nor, “Pendekatan Tegas Tangani IS Secara Serius,” (*Mingguan Malaysia* 2 Ogos 2015), <http://www.utusan.com.my/rencana/pendekatan-tegas-tangani-is-secara-serius-1.119457>. (Diakses pada 26 Sept 2015)

Institusi Keselamatan: Pihak polis dan juga Kementerian Pertahanan dilihat memainkan peranan penting dalam aspek pencegahan dan kawalan kepada kerosakan (*damage control*) yang dilakukan oleh golongan yang terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan militan tersebut. Pemantauan ke atas media-media sosial memang menjadi tanggungjawab pihak keselamatan. Ada baiknya jika perkara ini dapat diberikan kepada masyarakat melalui umpamanya mewujudkan siri jelajah kesedaran di kawasan-kawasan tumpuan seperti di sekolah, universiti, masjid, balai raya, tapak pasar malam, ekspo dan sebagainya. Risalah-risalah pihak keselamatan juga harus diperbanyak bagi diedarkan kepada rakyat.

Institusi Pendidikan: Sekolah atau universiti, sama ada institusi awam mahupun institusi swasta, tanggungjawab menyedarkan para pelajar dan kakitangan serta pensyarah perlu dilakukan dengan lebih banyak. Penganjuran siri penerangan berbentuk wacana ataupun seminar, dapat memberikan kefahaman yang sebenar terhadap isu yang berlaku. Tumpuan harus diberi kepada institusi pengajian tinggi kerana ia adalah gedung bagi golongan terpelajar yang berjaya menyambung pengajian selepas era persekolahan. Golongan terpelajar ini jika diberikan kefahaman yang betul, pasti mereka akan menjadi ejen menyampaikan maklumat yang benar kepada masyarakat umum di luar.

Pentadbir institusi pengajian tinggi juga harus peka dengan perkembangan semasa dan keperluan untuk mewujudkan silibus pengajian yang dapat menangani salah faham konsep-konsep dalam agama, terutama konsep jihad. Jika ini dapat dibuat, pasti kita akan mendapat generasi yang faham tentang penyelewengan konsep Islam demi mewujudkan masa depan yang aman damai dalam negara mahupun di peringkat dunia. Buat masa ini, kita tidak nampak tindakan yang serius daripada pelbagai pihak. Berita yang dilaporkan kebanyakan adalah berbentuk tindakan

pencegahan yang diambil oleh pihak keselamatan dengan penangkapan suspek-suspek yang terlibat. Sekadar penganjuran dua, tiga seminar oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO), pastinya ini tidak mencukupi. Agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain tidak harus berdiam diri dan perlu bersama dalam menangani isu ini hingga ke akar umbi. Kita juga harus faham bahawa kerja menangani IS ini bukan terletak kepada orang agama atau alim ulama sahaja. Golongan profesional seperti jurutera, doktor, akauntan, pegawai teknologi maklumat dan sebagainya juga bertanggungjawab menyedarkan masyarakat. Ini kerana ternyata ada dalam kalangan yang menyertai IS ini berlatar belakang pendidikan tinggi dan profesional.

Di samping itu, apa yang diketengahkan oleh Mohd Irman mengenai pengembangan kelas menengah Muslim sebagai cara menangani ekstremisme juga menarik untuk diteroka.²⁰ Ini turut dinyatakan oleh para sarjana dan penyelidik lain yang berpendapat bahawa pemantapan ekonomi dan pengembangan kelas menengah memainkan peranan penting kepada negara Islam sebagai senjata dalam meminggirkan ekstremisme dalam kalangan umat Islam kini dan dalam masa yang sama berupaya meminggirkan masalah Islamofobia dalam kalangan non-Muslim.²¹ Begitu juga, keadaan taraf ekonomi dan pendidikan turut boleh memberikan impak positif dalam menangani ekstremisme, seperti kata Lipset:

“Increased wealth and education also serve democracy by increasing the extent to which The lower strata are exposed to cross pressures which will reduce the intensity of their

²⁰ Mohd Irman Mohd Abd Nasir, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka Terhadap Isu-isu Ekstremisme,” (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), h. 1.

²¹ Vali Nasr, *Forces of Fortune: The Rise of the New Muslim Middle Class and What it Will Mean for Our World*, (New York: Free Press), h. 172.

commitment to given ideologies and make them less receptive to supporting extremist one.”²²

Justeru Mohd Irman menegaskan bahawa peminggiran ekstremisme melalui dimensi baru dengan mengambil pendekatan ekonomi bebas dan pengembangan kelas menengah merupakan suatu yang sering dibincangkan pada hari ini. Idea baru ini adalah refleksi kepada pendekatan-pendekatan sebelum ini yang tidak berkesan menangani ekstremisme dari akar umbinya. Pendekatan ‘sebelum ini’ yang dimaksudkan oleh beliau adalah melalui ketenteraan dan risikan (*intelligence and military action*) sebagaimana yang digunakan di Amerika hingga ke hari ini. Beliau turut menegaskan bahawa langkah menangani ekstremisme bukan sahaja bergantung kepada langkah penguatkuasaan undang-undang, risikan, ketenteraan dan sebagainya, tetapi pencegahan dari akar umbi harus dilakukan juga. Ia bermaksud perlunya pemerikasaan terhadap kehidupan sosial masyarakat seperti pendidikan, pengagihan kekayaan yang sama rata, kestabilan ekonomi, kestabilan politik dan termasuklah pengembangan kelas menengah.²³

PENUTUP

Walaupun apa yang diperkatakan ini menjurus kepada ekstremisme dalam kalangan Muslim, namun ianya juga bersifat universal di mana solusi-solusi tertentu boleh digunapakai secara umum bagi menangani gejala ekstremisme yang berlaku di dunia ini. Sepertimana yang sedia maklum, ekstremisme bukan sahaja

²² Seymon Martin Lipset, “Some Social Requisites of Democracy: Economy Development and Political Legitimacy,” *The American Political Science Review Journal*, (Vol 53 no. 1, 1959), h. 83, 69-105.

²³ Mohd Irman Mohd Abd Nasir, “Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka terhadap Isu-isu Ekstremisme,” (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), h. 4 & 177.

Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti dan Cabaran

melibatkan satu agama dan satu tamadun tertentu, tetapi ianya melibatkan semua bangsa, tamadun, agama dan lain-lain yang ada di atas muka bumi ini. Untuk itu, segala perancangan membanteras ekstremisme mestilah mengambil kita sifatnya yang rentas agama dan tamadun.

RUJUKAN

- Kalimuthu Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, (Kuala Lumpur: DBP, 1988).
- Laman web MAIS, <http://baitul-ehsan.mais.gov.my/en/mais-info/information/news/159-kesederhanaan-dipertahan-ekstremisme-dilawan-tema-maulidur-rasul-1436h>. (Diakses pada 26 Sept 2015)
- Laurie Willis (ed.), *Extremism*, (New York: Greenhaven Press, 2011).
- Loretta Napoleoni, *Modern Jihad Tracing The Dollars Behind The Terror Networks*, (London: Pluto Press, 2003).
- Mohd Irman Mohd Abd Nasir, "Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka Terhadap Isu-isu Ekstremisme," (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
- Mohd Roslan Mohd Nor, "Pendekatan Tegas Tangani IS Secara Serious," (Mingguan Malaysia 2 Ogos 2015), <http://www.utusan.com.my/rencana/pendekatan-tegas-tangani-is-secara-serius-1.119457>. (Diakses pada 26 Sept 2015)
- Muhammad Na'eem Yasin, *Jihad*, terj. Ismail Mohd. Hassan (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1985).
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106, (2014).
- Nazrul Islam, *Islam 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions* (New Delhi: Viva Books Private Limited, 2005).
- Nur Rosidah, "Fundamentalisme Agama," *Wali Songo* (Vol 20, no.1 Mei 2012), 1-3.
- P M Conn & J V Parker, "Extremist Animal Rights Activists are Terrorists." Dalam Laurena Willis (ed.), *Extremism*, (New York: Greenhaven Press, 2011).
- Roger J R Levesque, *Encyclopedia of Adolescence*, (New York: Springer, 2011).

Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti dan Cabaran

Roger Scruton, *A Dictionary of Political Thought*, (London: Macmillan Press, 1982).

Seymour Martin Lipset, "Some Social Requisites of Democracy: Economy Development and Political Legitimacy," *The American Political Science Review Journal*, (Vol 53 no. 1, 1959).

Syahidah Akmal Abd Rahman, "Fundamentalisme Agama di Timur Tengah: Kajian Terhadap Kumpulan ISIS" (Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015 – tidak diterbitkan).

Vali Nasr, *Forces of Fortune: The Rise of the New Muslim Middle Class and What it Will mean for Our World*, (New York: Free Press).

Yusuf al-Qaradawi, *Islam dan Keganasan*, terj. Rosli Mokhtar (Malaysia: Casa Publication, 2011).

Yusuf al-Qaradawi, *Islamic Awakening Between Rejection & Extremism*, ed. A.S al-Shaikh Ali & Mohamed B. E. Wasty (Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought, 1990).